



**GARIS PANDUAN
JAWATANKUASA RAYUAN KENAIKAN PANGKAT AHLI AKADEMIK
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

DILULUSKAN MESY. JAWATANKUASA PEMBANGUNAN BAKAT
AKADEMIK (JKPBA)
BIL. 3/2016, 27 JULAI 2016

URUS SETIA : PEJABAT PENDAFTAR



GARIS PANDUAN
JAWATANKUASA RAYUAN KENAIKAN PANGKAT AHLI AKADEMIK
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

FALSAFAH KENAIKAN PANGKAT

Kenaikan pangkat ahli akademik merupakan satu pengiktirafan yang diberikan bagi menghargai sumbangan kecemerlangan seseorang ahli akademik kepada universiti. Sumbangan ini diukur melalui pencapaian prestasi dalam pengajaran, penyelidikan, pemindahan ilmu, pembangunan dan kepimpinan akademik.

PENGENALAN

Jawatankuasa Rayuan Kenaikan Pangkat Ahli Akademik adalah jawatankuasa berkecuali dan ditubuhkan secara *ad-hoc*. Pemohon yang ingin mengemukakan rayuan kenaikan pangkat hendaklah mengemukakan surat rayuan kepada TNC (Akademik dan Antarabangsa) selaku ketua akademik UMT.

PROSEDUR RAYUAN

Prosedur permohonan rayuan kenaikan pangkat adalah seperti berikut:

- i. Permohonan rayuan dihantar kepada TNC (A&A) selaku ketua akademik UMT;
- ii. Rayuan kenaikan pangkat ini hanya boleh dibuat selepas Jawatankuasa Penapis Kenaikan Pangkat Ahli Akademik UMT membuat pertimbangan. Tiada rayuan dibenarkan selepas keputusan kenaikan pangkat diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
- iii. Sekiranya TNC (A&A) berpuas hati dengan bukti yang terdapatnya keraguan oleh Jawatankuasa Penapis, maka TNC (A&A) akan menubuhkan satu Jawatankuasa *Ad-Hoc* yang terdiri daripada para professor yang bersesuaian untuk menilai semula permohonan calon.

- iv. TNC (A&A) akan menubuhkan Jawatankuasa Rayuan Kenaikan Pangkat dan melantik Pengerusi dan ahli-ahli berdasarkan bidang dan sub bidang calon rayuan;
- v. Jawatankuasa Rayuan akan menyemak, menilai dan mempertimbangkan rayuan calon melalui mesyuarat yang diadakan;
- vi. Bagi calon yang diperakukan oleh Jawatankuasa Rayuan, pelantikan penilai luar akan dilaksanakan. Calon yang disokong oleh penilai luar akan dijemput untuk menghadiri sesi temuduga melalui JK Pemilih Akademik/Utama.
- vii. Bagi calon yang tidak diperakukan atau kekal dengan keputusan sebelum ini, perakuan tersebut akan dimaklumkan kepada JK Pemilih Akademik/Utama.
- viii. Calon akan menerima keputusan rayuan melalui surat makluman.

JAWATANKUASA RAYUAN KENAIKAN PANGKAT AHLI AKADEMIK

Terma	Perkara
Keahlian	Pengerusi : Profesor kanan yang dilantik oleh TNC(A&A) Ahli : Sekurang-kurangnya dua (2) orang profesor dalam bidang dan sub bidang calon sama ada dari dalam atau luar universiti yang dilantik oleh TNC(A&A). Setiausaha : Penolong Pendaftar, Pejabat Pendaftar
Bidang Kuasa	a) Menyemak, menilai dan mempertimbangkan permohonan rayuan kenaikan pangkat; b) Menentukan dan melantik penilai luar bagi proses penilaian (bagi permohonan rayuan yang diperakukan sahaja). c) Memperakukan permohonan rayuan kenaikan pangkat sama ada berjaya atau tidak berjaya kepada TNC (A&A);
Korum	Sekurang-kurangnya terdiri daripada tiga (3) orang ahli termasuk Pengerusi.
Kekerapan	Mengikut keperluan.

PENUTUP

Garis panduan ini telah diluluskan oleh Mesyuarat JK Pembangunan Bakat Akademik Bil. 3/2016 bertarikh 27 Julai 2016.

URUS SETIA

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh diperolehi dengan menghubungi:

Urus Setia Kenaikan Pangkat Ahli Akademik

Pejabat Pendaftar

Universiti Malaysia Terengganu

No. Tel: 09-668 4879 /4481